

## **ISU DAN CABARAN WANITA DALAM INDUSTRI DAN TEKNOLOGI**

Anita Akmar bt Kamarolzaman<sup>1</sup>, Fatimah Al-Zahrah bt Mohd Saat<sup>2</sup>, Md Razali bin Ayob<sup>3</sup>

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal,

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

### **1. PENGENALAN**

Sejarah membuktikan bahawa industri dan teknologi mampu membawa sesebuah negara ke arah ketamadunan dan kemajuan yang tinggi. Namun sejarah juga menunjukkan kepincangan sosial dan komuniti yang tidak terbendung akibat perlaksanaan industri dan teknologi yang tidak berhemah dengan prinsip yang salah. Atas dasar ini, perancangan kemajuan industri dan teknologi perlu digandingkan dengan kecemerlangan sosial dan pembangunan komuniti sejak dari peringkat akar umbi lagi. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun telah dan akan merencanakan pembangunan dan kemajuannya berdasarkan industri dan teknologi melalui pembangunan komuniti dan kecemerlangan sosial.

Industri dan Teknologi merupakan agenda utama dalam Wawasan 2020 bagi mencapai tahap negara maju. Industri dan teknologi tidak pernah ditinggalkan dalam perbincangan dan perancangan oleh mana-mana negara yang ingin maju. Bidang ini terus diberi perhatian serius dan penambahbaikan dari tahun ke tahun oleh pembuat dasar dan pelaksana program.

---

<sup>1,2,3</sup> Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, KUTKM, KB 1200, 75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel: 06-2332425/06-2332429

## 2. INDUSTRI DAN TEKNOLOGI

### Takrif Industri

Industri dan teknologi adalah dua perkataan atau ungkapan yang sering digandingkan bersama. Kedua-dua ungkapan ini sememangnya merupakan perkataan yang saling berkait dan lengkap melengkapi antara satu sama lain. Kamus Dewan memberi takrif **industri** sebagai berikut:-

*"perusahaan (biasanya secara besar-besaran) untuk membuat, menghasilkan, mengeluarkan barang"*

Takrif industri secara mudah boleh juga didapati dari sumber seperti 'Word Net 2.0 Search' yang memberi maksud berikut:-

*"the people or companies engaged in a particular kind of commercial enterprise" (orang atau syarikat yang terlibat dalam sebarang jenis perniagaan komersial)*

### Takrif Teknologi

Industri lazimnya menggunakan teknologi, tidak kira teknologi tersebut lama atau yang terbaru. Oleh yang demikian Dewan Bahasa telah mentakrifkan **teknologi** sebagai berikut:-

*"aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains untuk tujuan praktis dalam industri, pertanian, perubatan, perniagaan, dll,"*

Dari Trade Dictionary pula dikatakan teknologi tersebut sebagai berikut:-

*"The application of knowledge to meet the goals, goods, and services desired by people." (Aplikasi pengetahuan untuk mencapai matlamat, barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh manusia)*

Takrif yang dibentangkan di atas jelas menunjukkan kaitan antara industri dan teknologi. Orang perseorangan akan menubuhkan syarikat atau perusahaan dan mengajikan pekerja

untuk menghasilkan apa jua barang atau produk yang ingin dipasarkan. Pengeluaran barang tersebut akan menggunakan teknologi kerana ada unsur pengetahuan dan kemahiran di situ. Aktiviti yang dijalankan dari mula penerimaan bahan mentah hingga kepada barang yang siap dikatakan sebagai satu usaha perindustrian. Disebabkan teknologi melibatkan ilmu dan pengetahuan, maka ia merupakan faktor-faktor penting dalam memajukan industri yang berkesan dan produktif.

### 3. SEKTOR INDUSTRI MALAYSIA

Malaysia adalah sebuah negara yang sedang pesat membangun. Bermula dengan sebuah negara berasaskan pertanian pada awal 60an, Malaysia kini telah menjadi sebuah negara industri berasaskan ekonomi import eksport yang bercambah melalui teknologi tinggi dan k-economik terutama dalam bidang peranti dan barang elektrik serta elektronik.

Pelan Induk Perindustrian pertama (IMP1) telah menggariskan banyak konsep, perancangan dan pelan tindakan untuk memajukan Malaysia dari sudut perindustrian negara. Sekurang-kurangnya sepuluh kumpulan industri yang telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada aktiviti industri dalam mencapai wawasan 2020. Senarai ini dikeluarkan oleh Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) untuk kegunaan bukan sahaja penduduk tempatan malah untuk kegunaan pelabur dalam dan luar negara. Industri tersebut termasuklah:-

- (i) Elektrik dan Elektronik
- (ii) Automotif
- (iii) Peralatan dan Pemesinan
- (iv) Farmasautikal
- (v) Petrokimia
- (vi) Produk Berasaskan Minyak Sawit
- (vii) Produk Berasaskan Kayu
- (viii) Produk Berasaskan Getah
- (ix) Produk Berasaskan Agro dan Makanan
- (x) Aeroangkasa.

Dalam era globalisasi, persaingan pembangunan industri dan teknologi menuntut perancangan, perlaksanaan dan pemantauan yang berkesan bagi memastikan pembangunan ini berjalan dengan lancar. MITI memainkan peranan penting dalam menetapkan dasar dan hala tuju industri dan teknologi di Malaysia. Dasar kerajaan untuk menggalakkan Pembangunan Perindustrian dilaksanakan berdasarkan Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) bagi tempoh 1996 hingga 2005.

Lapan Kumpulan Industri yang dikenal pasti melalui Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) adalah [1]:

- (i) Elektrik dan Elektronik
- (ii) Kumpulan Industri Kimia
  - a. Petrokimia
  - b. Farmaseutikal
- (iii) Kumpulan Industri Tekstil dan Pakaian
- (iv) Kumpulan Industri Pengangkutan
  - a. Automotif
  - b. Motosikal
  - c. Marin
  - d. Aeroangkasa
- (v) Kumpulan Industri Galian
  - a. Polimer
  - b. Logam
  - c. Komposit
  - d. Seramik
- (vi) Kumpulan Industri Mesin dan Jentera
- (vii) Kumpulan Industri Berasaskan Sumber
  - a. Produk Berasaskan Kayu
  - b. Produk Berasaskan Getah
  - c. Produk Makanan Berasaskan Minyak Kelapa Sawit
  - d. Produk Bukan Makanan Berasaskan Kelapa Sawit
  - e. Produk Berasaskan Koko
- (viii) Kumpulan Industri Berasaskan Pertanian dan Produk Makanan

- a. Ikan dan Produk Ikan
- b. Ternakan dan Produk Ternakan
- c. Buah-buahan dan Sayur-sayuran
- d. Bunga-bungaan

Dengan penekanan baru yang diberi oleh kerajaan, sektor dan industri pertanian dijadikan sebagai satu industri yang boleh membantu negara dalam mencapai kestabilan ekonomi. Keperluan asas mesti dikuasai sebelum kemewahan lain dicari. Adalah digarapkan bahawa industri yang berasaskan pertanian menjadi denyutan kepada aktiviti perniagaan dan pengeluaran hasil di kampung dan ladang pertanian.

Penggalakan, pertumbuhan dan perkembangan industri tumpuan ini memerlukan kepada tenaga kerja dalam semua peringkat, dari tenaga buruh kepada separa-mahir dan profesional. Dalam hal ini, semua pihak terlibat yang antara lain termasuklah tenaga kerja wanita. Tenaga kerja wanita amat penting pada masa ini memandangkan corak pergerakan pekerjaan telah berubah terutama dari segi bekalan tenaga kerja dan teknologi yang terlibat. Dari perangkaan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan, banyak bidang diterokai dan diceburi oleh wanita. Antara lain termasuklah sektor perlombongan dan kuari, sektor pertanian, ternakan, perikanan, perniagaan kecil, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran [2]. Bidang yang memerlukan kelayakan dan kemahiran juga diminati oleh wanita pada masa kini yang melibat sektor pengurusan, pendidikan dan pentadbiran.

Ada juga sektor yang angkanya jatuh menurut perkembangan dan kemajuan teknologi yang ada seperti sektor pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan. Bukan sahaja golongan wanita terlibat, pekerja lelaki juga terkena perkembangan teknologi di mana secara keseluruhan peratus pengagihan guna tenaga mengikut pekerja lelaki menurut sedikit.

Ada analisis yang dibuat pada tahun 2003 menyatakan bahawa wanita tertumpu pada pekerjaan dengan gaji dan kemahiran rendah (17.7% dan 17.4% masing-masing dalam bidang perkeranian dan perkhidmatan)[3]. Aliran ini mungkin berubah pada masa terdekat dan akan datang.

#### **4. KEPENDUDUKAN**

Penduduk Malaysia kini telah melebihi 25 juta orang dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 25%. Dalam suku kedua tahun 2004 sahaja, seramai 25.58 juta penduduk tersenarai dengan kira-kira 62.2% dan 37.8% masing-masing penduduk bandar dan luar bandar [4]. Dilihat dari Bancian Penduduk Tahun 2000, kira-kira 48.9% penduduk adalah wanita. Kini peratusan wanita Malaysia mungkin saja menjadi separuh daripada penduduk Malaysia. Dalam dokumen yang sama (suku keempat tahun 2003) dinyatakan bahawa terdapat 10,280,800 jumlah tenaga buruh dengan kadar pengangguran 3.2% (mungkin berubah tahun ini, angka rasmi belum dikeluarkan).

Bagi negeri Melaka, bancian 2003 menunjukkan 342,300 daripada 687,100 adalah wanita iaitu kira-kira 49.8% [5]. Angka ini secara biasa menunjukkan bahawa wanita dan lelaki mempunyai peranan masing-masing dalam memajukan negara.

Dari aspek pendidikan pula, enrolmen kanak-kanak tahun 2001 seramai 2,943,152 dan 48.7% adalah kanak-kanak perempuan. Manakala seramai 396,541 kanak-kanak tamat persekolahan menengah rendah (9 tahun persekolahan) dan 334,667 pula tamat persekolahan menengah atas (11 tahun persekolahan). Tidak dinafikan kini bahawa peratus penuntut IPT kini telah terbalik dengan peratusan wanita melebihi lelaki. Dengan galakan kerajaan agar wanita menyertai bidang bukan tradisional, jumlah enrolmen wanita dalam bidang sains di institusi pengajian tinggi telah menjangkau 60 peratus. Sementara dalam bidang teknikal pula jumlah enrolmen wanita adalah 30 peratus [6].

Statistik menunjukkan bahawa wanita menyumbang kepada 44.4% dari keseluruhan tenaga buruh dalam tahun 2000 [7]. Dalam tempoh itu juga, struktur kerajaan telah berubah dengan lebih ramai wanita menceburi bidang pekerjaan profesional dan teknikal daripada 12.7% pada tahun 1995 kepada 13.5% pada tahun 2000. [8]. Wanita merupakan 56.2% daripada populasi pasca-siswazah [9]. Ini secara terus menunjukkan bahawa ada kemungkinan bahawa dalam taburan kerja yang melibatkan kemahiran dan profesional dalam pasaran buruh akan didominasi oleh wanita. Walaupun terdapat 49 peratus wanita berada dalam kumpulan umur bekerja iaitu dalam lingkungan umur 15-64 tahun pada tahun 2000. Ini merupakan kira-kira 38% daripada tenaga buruh golongan wanita [10].

Secara keseluruhannya, sektor pembuatan telah menyerap bahagian terbesar pekerja wanita yang merupakan 27.3% pada tahun 2000 [11]. Namun penglibatan wanita dalam sektor ini tertumpu kepada kemahiran rendah dan tidak pada peringkat penggubalan dasar dan membuat keputusan. Penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan melibatkan kemahiran tinggi adalah sangat sedikit. Sungguhpun penglibatan wanita dalam kategori pekerjaan profesional dan teknikal meningkat, namun peningkatan ini sebenarnya adalah berikutan sektor pendidikan dan jururawat yang banyak disertai golongan wanita.

Untuk meletakkan Malaysia sebaris dengan negara-negara maju lain di dunia, pemantapan industri dan teknologi adalah sangat kritikal. Bidang yang pada satu ketika dahulu dibanjiri dengan tenaga kerja lelaki kini telah membuka ruang kepada penglibatan wanita sebagai tenaga kerja. Kesedaran terhadap kepentingan tenaga kerja mahir dan profesional dengan mengambil kira peratusan penduduk wanita dan senario lambakan graduan wanita di IPT telah membuka ruang kepada penglibatan wanita dalam industri dan teknologi bagi meningkatkan produktiviti.

## 5. PEKERJA ALAF BARU

Antara agenda yang sering dititikberatkan dalam pembangunan industri dan teknologi adalah pembangunan sumber manusia. Sumber manusia adalah tulang belakang kepada kejayaan dan pembangunan negara. Peralihan negara kepada industri import eksport berteknologi tinggi sekali gus telah mencabar pembangunan sumber manusia ke arah pekerja mahir dan kompeten untuk menaungi pasaran antarabangsa. Persaingan dalam dunia industri dalam era globalisasi ini mendesak industri untuk memiliki pekerja berpengetahuan (PB) (*knowledge worker, k-worker*). PB dikatakan adalah pekerja yang memiliki kemahiran dan pengetahuan tinggi dalam bidang yang diceburi untuk memenuhi tuntutan majikan dan keperluan persaingan industri dalam dunia globalisasi.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Universiti Putera Malaysia berkaitan kemahiran boleh kerja [12], kriteria-kriteria yang digariskan oleh majikan dalam memilih pekerja adalah seperti berikut:-

- (i) kemahiran teknikal,
- (ii) pengalaman kerja,
- (iii) kemahiran ICT,
- (iv) pembelajaran berterusan,
- (v) kualiti peribadi,
- (vi) kerja berpasukan,
- (vii) kemahiran akademik dan
- (viii) kemahiran berfikir.

Bagi wanita Islam pula selain daripada di atas, ada yang lebih utama dan penting dalam mengatakan mereka berjaya atau tidak. Berjaya adalah relatif dan berjaya yang sebenar adalah mendapat keredhaan Allah s.w.t.. Telah digariskan dalam seminar yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) [12] bahawa kriteria wanita berjaya adalah:-

- (i) berjaya melaksanakan kewajipan kepada Allah s.w.t. dengan sempurna dan ikhlas
- (ii) berjaya melaksanakan kewajipan rumah tangga
- (ii) dapat memberi sumbangan ke arah kebaikan masyarakat dan menghalang keburukan

Ini semua menjurus kepada peranan wanita yang bersifat pelbagai fungsi.

## **6. ISU WANITA DALAM INDUSTRI**

### **Prinsip Wanita Bekerja**

Wanita bekerja bukanlah merupakan fenomena baru dalam masyarakat dunia hari ini. Pembangunan wanita merupakan isu yang masih dalam perhatian pada peringkat dunia. Di Malaysia, fenomena wanita bekerja sudah mula diterima baik oleh masyarakat umum. Peratusan wanita yang melibatkan diri dalam dunia pekerjaan meningkat dari tahun ke tahun. Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada

tahun 2001 jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan menangani masalah wanita dan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.

Pendekatan pendidikan Islam Hadhari pula memberikan penekanan terhadap pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita. Ini membolehkan kemuliaan insan diberikan kepada setiap individu tanpa diskriminasi supaya tidak berlaku penafian hak-hak tersebut atau alasan menjadi kumpulan kecil atau perbezaan jantina [14].

Walaupun penglibatan wanita dalam pekerjaan sudah boleh diterima baik, namun kebijakan wanita bekerja sentiasa dipantau dan dibincangkan bagi memastikan fenomena baru ini terus membawa hasil yang baik. Kebijakan pekerja wanita sering dilihat dari dua aspek iaitu peningkatan kualiti kerja dan kebijakan rumah tangga. Kedua-dua aspek ini dilihat sangat penting bagi memastikan pembangunan ekonomi yang mampan selaras dengan pembangunan komuniti dan kecemerlangan sosial.

Tanggungjawab terhadap rumah tangga menjadi isu yang sering diperdebatkan berhubung penglibatan wanita dalam dunia pekerjaan. Masalah sosial yang berleluasa dan sukar dibendung dikatakan berpunca dari ibu bapa bekerja yang sering mengabaikan anak-anak. Sememangnya rumah tangga adalah tanggungjawab bersama suami dan isteri, tetapi senario suami bekerja dan isteri di rumah sudah semakin berkurangan. Justeru adalah penting untuk memikirkan kaedah dan cara terbaik membantu wanita bekerja menyumbang kepada ekonomi negara sekali gus menyumbang kepada kecemerlangan komuniti dan sosial. Nyata bahawa tanggungjawab ini adalah tanggung jawab bersama yang perlu difikirkan segera.

Penglibatan wanita di dalam industri tidak dapat disangkal. Sejak tahun 70an apabila negara beralih kepada sektor perindustrian, wanita merupakan salah satu kumpulan besar yang membantu pembangunan ekonomi negara. Kesesuaian dan kebijakan wanita di tempat kerja sering diperbaiki di setiap peringkat. Oleh yang demikian, berbagai langkah telah diambil bagi memastikan wanita yang bekerja dapat melaksanakan tanggungjawabnya terhadap kerjaya serta rumah tangga.

Antara isu yang sering diketengahkan adalah seperti berikut:-

- (i) keanjalan waktu bekerja,

Akta Pekerjaan 1995 telah dipinda pada tahun 1998 yang menyediakan keanjalan waktu kerja dan memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia membuat peraturan mengenai faedah yang ditetapkan oleh undang-undang supaya dibayar kepada pekerja separuh masa mengikut kadar yang sama seperti yang dibayar kepada pekerja sepenuh masa

- (ii) syif malam,
- (iii) kebajikan wanita mengandung dan bersalin, wanita yang bekerja terutamanya di sektor awam diberi cuti bersalin selama 60 hari sehingga anak yang ke-5
- (iv) keselamatan tempat kerja,  
Pelbagai undang-undang dan akta dipinda dan digubal bagi menjamin kebajikan wanita di tempat kerja. Undang-undang yang ada mungkin boleh digunakan sebagai perisai tetapi hakikatnya adalah, kurangnya latihan dan pendedahan yang wajar bagi menangani isu-isu tersebut di atas. Latihan yang formal dan tidak formal perlu diadakan agar pekerja merasa selamat dan bersedia untuk menjalankan perkhidmatan dengan lebih baik dan produktif.
- (v) gangguan seksual dan
- (vi) permasalahan sosial.

Peruntukan pelepasan cukai diberikan bagi membina pusat jagaan di tempat kerja serta kemudahan- kemudahan infrastruktur yang bersesuaian.

Oleh yang demikian, prinsip asas wanita bekerja mesti difahami dengan tepat dan betul. Pembangunan yang tidak seimbang dan pembangunan material yang terlalu berlebihan boleh mencetuskan konflik bukan sahaja dari segi peranan wanita itu sendiri tetapi kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara. Peranan saling lengkap melengkapi (salingan/reciprocal) adalah satu prinsip yang mesti diutarakan supaya tidak melebihi batas sebagai seorang pekerja, pencari nafkah atau penjana kerja.

### **Latihan**

Dalam era teknologi yang serba canggih dan moden ini, golongan wanita harus mula membuka mata terhadap tanggungjawab yang harus dipikul dan berusaha sebaiknya untuk mempersiapkan diri menghadapi cabaran baru ini. Kerajaan dengan kerjasama pelbagai

agensi bukan kerajaan sering menganjurkan pelbagai seminar, kolokium dan bengkel untuk tujuan ini. Namun demikian masih belum terdapat integrasi sepenuhnya wanita ke dalam arus pembangunan. Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa usaha-usaha ini masih belum tersusun dan masih belum wujud satu badan yang benar-benar menjadi tempat pergantungan wanita bekerja bagi menangani permasalahan yang dihadapi.

Aspek kualiti kerja bagi wanita sering dikaitkan dengan latihan intensif dan kursus-kursus kemahiran yang perlu disediakan untuk wanita bagi meningkatkan kemahiran diri untuk melangkah jauh dalam dunia pekerjaan. Isu ini dianggap penting berikutan keprihatinan dunia sekarang terhadap kekurangan wanita di peringkat membuat keputusan. Penglibatan wanita di peringkat ini dilihat sebagai sangat kritikal untuk memastikan kebijakan wanita bekerja sentiasa diberi perhatian. Ini kerana hanya wanita yang dapat mengenal pasti masalah dan isu yang perlu ditangani dalam penyesuaian diri wanita terhadap dunia pekerjaan.

### **Suasana Tempat Kerja**

Secara fizikal, wanita dan lelaki adalah perbezaan kecil. Oleh yang demikian, suasana tempat kerja boleh mempengaruhi wanita memainkan peranannya. Memang diakui bahawa kebanyakan kerja yang boleh dilakukan oleh lelaki, boleh juga ditangani oleh seorang wanita. Ini jelas jika contoh ekstrem yang diambil seperti menjadi seorang angkasawan. Namun peranan angkasawan wanita adalah menurut kemahiran dan kelayakan yang telah dilatih. Kerja-kerja berat yang dilakukan dalam suasana kerja yang mencabar kurang sesuai untuk wanita, manakala kerja-kerja yang menjadi bercirikan sifat semula jadi, wanita lebih berjaya. Ini tidak dinafikan dengan golongan pekerja wanita yang membanjiri kilang-kilang pengeluaran alat elektronik yang memerlukan kesabaran dan ketekunan kerja. Makanya suasana tempat kerja sebegini mesti dijaga dan ditingkatkan standardnya.

Suasana kerja yang ada kini seakan tidak peka kepada keperluan wanita sehingga wanita tidak dapat terus kekal dalam pekerjaan dan menggunakan kepakaran dan kemahiran yang mereka miliki untuk membantu memusatkan lagi pembangunan negara. Kecenderungan wanita untuk berhenti kerja selepas melahirkan anak adalah satu aliran berterusan di Malaysia, menyebabkan peratusan wanita bekerja di negara ini berkurangan. Kerjaya wanita semakin merudum apabila terpaksa memilih antara kerjaya dan

perkahwinan. Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius dalam usaha menggandingkan tenaga kerja wanita dan lelaki bagi membangunkan ekonomi negara.

Suasana kerja yang kondusif dengan mengambil kira keperluan wanita ini perlu diwujudkan bagi mengoptimumkan penglibatan wanita sebagai sumber tenaga kerja mahir negara. Ini termasuklah kemudahan penjagaan anak, kemudahan kesihatan, kemudahan rekreasi dan pelbagai lagi keperluan dalam menyesuaikan penglibatan wanita dalam perkembangan industri dan teknologi. Wanita perlu dilatih menyesuaikan diri dalam industri dan teknologi tinggi sejak dari awal lagi. Peranan institusi pendidikan khususnya berkaitan industri dan teknologi perlulah serius dalam memperkasa wanita dalam industri dan teknologi. Langkah kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai wanita di negara ini menyertai pekerjaan mahir amat dialu-alukan.

### **Peningkatan Ilmu dan Pencambahan Pengetahuan**

Manusia tanpa ilmu tidak boleh maju. Bangsa tanpa ilmu dan pengetahuan tidak boleh maju. Sebagai pekerja kedua-dua ini penting dan perlu dibaja. Ilmu dicari dan pengetahuan diamalkan. Pembelajaran sepanjang hayat adalah satu kaedah untuk peningkatan ilmu dan boleh dilakukan melalui latihan dan kursus. Pengetahuan yang cetek adalah satu masalah kepada pekerja kerana mereka tidak mengamalkan apa yang telah dipelajari. Walaupun bekerja saban hari namun tanpa boleh merumuskan apa yang telah dikerjakan dalam masa setahun atau lebih. Pengalaman dan kemahiran mungkin meningkat tetapi ilmu dan pengetahuan tidak lazim diukur oleh pekerja.

Hal ini diberi penekanan oleh Pusat Penyelidikan Pembangunan wanita (KANITA) [15]. Dikatakan bahawa ilmu dan pengetahuan menjadi faktor utama dalam penerapan dan integrasi arus utama ekonomi yang berasaskan teknologi dalam kemajuan industri Malaysia.

### **Pengembangan Kerjaya**

Wanita mempunyai dwi-tanggung jawab iaitu menjaga kerjaya dan rumah tangga dengan berkesan. Isu ketaksamaan gender mungkin tidak lagi wujud. Wanita tidaklah mencari jalan untuk menyaingi lelaki atau sebagainya tetapi mencari jalan untuk mengoptimumkan sumbangan kepada ekonomi melalui kerjaya. Walaupun wanita jelas berbeza dari lelaki dalam banyak aspek, tetapi kemampuan mental adalah setanding. Ini berikutnya beberapa

fungsi lelaki dan wanita yang berbeza dan saling melengkapi. Justeru penyelesaian perlu dicari untuk membantu wanita menyumbang secara berkesan dalam industri dan teknologi.

Pengembangan kerjaya mesti dilihat sebagai satu aspek yang boleh dikemukakan oleh golongan wanita. Kerana kekuatan mental yang setanding, maka wanita juga boleh mencapai puncak kerjayanya dalam bidang yang diceburi yang bersesuaian. Ini bukan satu masalah pada masa sekarang. Penyumbang kepada pengembangan kerjaya ini terletak kepada pengetahuan dan ilmu yang dimiliki oleh wanita, bukannya atas dasar yang cuba menengahi wanita itu sebagai satu bahan uji dan untuk kepentingan tersendiri.

## 7. CADANGAN PEMBAIKAN

### **Biro Aduan**

Kini ada banyak saluran untuk membuat aduan jika ada sesuatu yang tidak betul. Paling minimum proses aduan ini dibuat berdasarkan kepada keperluan pengurusan berkualiti yang cuba mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9001 dan sebagainya. Biro aduan ini boleh berfungsi dengan baik jika kedua-dua belah pihak bermiat baik dan tidak menjadikan tempat aduan sebarang medan konflik. Kepentingan yang ada sering menjadi punca ketidakpuasan hati pekerja mahu pun majikan. Cadangan untuk mewujudkan satu badan aduan/rujukan yang mesra pelanggan untuk memudahkan wanita buat rujukan dan aduan secara berkesan, tanpa melibatkan terlalu banyak proses dan birokrasi. Dengan adanya tempat membuat aduan dan menggunakan kaedah yang lebih berkesan dan menarik, boleh meningkatkan kesedaran wanita akan keperluan mendapat perkhidmatan yang baik serta melindungi mereka dari menjadi mangsa.

### **Semakan Undang-Undang dan Akta**

Dalam pembangunan negara, banyak Undang-Undang dan Akta dikemukakan untuk mengurus, mengawal dan memberi keadilan kepada mangsa dalam kebanyakan keadaan. Hal ini amat penting dalam cara menjalani kehidupan dan pembangunan. Jika ada, undang-undang dan akta yang berkaitan hak dan perlindungan wanita diperketat dan dihebahkan secara berkesan.

Persatuan yang ada kaitan dengan keperluan wanita haruslah dan boleh dikatakan wajib berdaftar. Persatuan yang beroperasi mesti boleh membekalkan segala maklumat dan keperluan wanita dalam pelbagai bidang terutama dalam hal penasihat dan undang-undang.. Persatuan sukarela ini hendaklah aktif berhubung dengan semua pihak berkuasa terlibat dalam melebarkan lagi rangkaian hubungan dan punca maklumat. Ada dikatakan bahawa HAWA dan NACIWID tidak berkesan dalam memberi makna kepada ahli. Penubuhan sebanyak 220 NGO berkaitan dengan keperluan dan maklumat terkini tentang wanita juga dikatakan tidak efektif. Penyelarasannya perlu. Jika ada kepentingan maka keperluan untuk diselaraskan dan dipermudahkan menjadi satu persatuan sahaja boleh diketengahkan atas alasan mudah dirujuk. Kepelbagaian adalah perkataan yang mesti difahami dan dihayati kerana persatuan ditubuhkan atas kepentingan dan objektif tertentu. NCWO yang merupakan badan induk NGO juga tidak dikenali semua wanita. Keperluan semakan undang-undang dan akta mestilah dijalankan oleh persatuan wanita yang ada ilmu guaman supaya ia lebih berkesan dan memberi impak.

Dalam penggubalan mana-mana peruntukan undang-undang untuk wanita, sama ada peringkat sektor awam maupun swasta, haruslah sensitif kepada apa yang dikenali sebagai keperluan gender. Ruang lingkup sensitiviti itu termasuklah dalam penggubalan dasar, strategi, program dan undang-undang.

### **Pengikisan Berterusan Diskriminasi**

Diskriminasi terhadap golongan wanita nampaknya kian hari kian mengurang. Suasana persekitaran dengan ledakan pengindustrian Malaysia dan lonjakan teknologi serta perubahan sosiopolitik seluruh dunia telah sedikit sebanyak mengubah sikap masyarakat terhadap golongan wanita. Masyarakat negara maju berbeza kerana nilai mereka berbeza. Malaysia tidak harus mengikuti apa yang diperjuangkan oleh negara maju secara membabi buta. Di negara maju pekerja wanita memang telah terasing dari awal lagi walau pun kini telah banyak perubahan.

Pengikisan berterusan dari aspek diskriminasi ini perlu dijalankan dengan konsisten kerana wanita adalah komponen penting dalam sebuah keluarga, syarikat maupun negara.

Usaha untuk menghapuskan diskriminasi ini mestalah sejajar dengan usaha lain terutama sekali dari segi semakan dan pemberian peruntukan undang-undang yang ada.

### **Peningkatan Latihan**

Dalam era teknologi yang serba canggih dan moden ini, golongan wanita harus mula membuka mata terhadap tanggungjawab yang harus dipikul dan berusaha sebaiknya untuk mempersiapkan diri menghadapi cabaran baru ini. Era globalisasi melibatkan perkembangan dan perubahan teknologi yang sentiasa mencabar minda. Kerajaan dengan kerjasama pelbagai agensi bukan kerajaan sering menganjurkan pelbagai seminar, kolokium dan bengkel untuk tujuan membantu wanita menguasai kemahiran-kemahiran yang perlu. Namun demikian masih belum terdapat integrasi sepenuhnya wanita ke dalam arus pembangunan. Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa usaha-usaha ini masih belum tersusun dan masih belum wujud satu badan yang benar-benar berkesan sebagai tempat pergantungan wanita bekerja bagi menangani permasalahan yang dihadapi.

Ciri-ciri pekerja berpengetahuan yang diperlukan oleh industri<sup>2</sup> perlulah ditanamkan dan dikembangkan dalam diri pekerja. Penanaman benih ini pastinya perlu dilakukan sejak dari awal lagi menerusi penerapan nilai pendidikan yang sesuai. Kurikulum pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah dan tertiar perlulah sejarar dan berterusan bagi merealisasikan penghasilan tenaga kerja mahir yang kompeten. Golongan wanita hendaklah didedahkan dengan pelbagai kemahiran tinggi dan pengawalan sikap dan peribadi yang baik bagi membolehkannya bersaing di pasaran tenaga buruh. Golongan wanita perlu dilatih dan digalakkan untuk menceburkan diri dan berganding dengan lelaki dalam pembangunan dan perkembangan teknologi tinggi.

Selain kemahiran-kemahiran tinggi dalam teknologi, golongan industri perlulah didedahkan kepada nilai-nilai murni yang positif dalam memelihara alam sekitar dan kemakmuran komuniti. Etika kerja perlulah difahami dan ditanam dalam jiwa golongan ahli sains dan teknologi bagi memastikan pembangunan industri dan teknologi yang berkesan tanpa memudaratkan alam sekitar dan peliharaan yang lain.

Penerapan budaya kerja berkumpulan, pemikiran kreatif dan kritis, penguasaan bahasa antarabangsa dan kemahiran komputer dan multimedia haruslah ditanam di peringkat

pendidikan rendah lagi bagi menghasilkan tenaga kerja yang mahir. Pelajar tidak kira lelaki mahu pun perempuan seharusnya terus didedahkan kepada industri dan teknologi yang sentiasa berubah di samping menggalakkan pembelajaran berterusan untuk mengelakkan pekerja dari ketinggalan dalam bidang yang dipelopori.

## **8. KESIMPULAN**

Wanita sebagai salah satu komponen penting dalam sebuah negara memang mesti diiktiraf dalam semua bentuk dan mereka sebenarnya mempunyai peranan yang tersendiri. Data kependudukan yang ada memohon kepada penyertaan yang lebih dari sumber yang ada. Wanita perlu diberi latihan dari mula kanak-kanak bersekolah hingga mencapai tahap alam pekerjaan supaya mereka faham tanggung jawab yang harus dipikul. Pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan boleh membantu wanita untuk merealisasikan wawasan negara dengan mengadakan lebih banyak program penerangan , bantuan dan pendedahan yang bermakna supaya Malaysia dapat meningkatkan daya siang dengan negara maju yang lain. Sesungguhnya wanita itu boleh dan memang sepatutnya diberi pujian dalam semua aspek kehidupan yang positif kerana mereka adalah sebahagian dari kehidupan itu sendiri.

## RUJUKAN

1. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dasar Kerajaan untuk Menggalakkan Pembangunan Perindustrian: Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) 1996-2005, <http://www.miti.gov.my>
2. Perangkaan Guna Tenaga 1995 – 2000, Jabatan Perangkaan Malaysia
3. YADIM, "Hanya kerana aku seorang wanita", susunan Noorzihan binti Mohamed Yin, 11 April 2005
4. Buku Maklumat Statistik 2003, Kem Pembangunan Usahawan dan Koperasi
5. Jabatan Perangkaan Malaysia, Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2003
6. Dokumen Rancangan Malaysia ke-7, "Bab 20 – Wanita dan Pembangunan", Jabatan Perdana Menteri
7. Jabatan Tenaga Buruh, Kementerian Sumber Manusia
8. Dokumen Rancangan Malaysia ke-7, "Bab 20 – Wanita dan Pembangunan", Jabatan Perdana Menteri
9. Kementerian Pendidikan Malaysia, *Enrolmen di Institut Pendidikan Kerajaan dan Bantuan Kerajaan mengikut Peringkat Pendidikan*, Jun 2002.
10. Peranan Wanita dalam Pembangunan Ekonomi Negara, Teks Ucapan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, 28 Mac 2000
11. Dokumen Rancangan Malaysia ke-8, "Bab 20 – Wanita dan Pembangunan", ms 596-598
12. Abd Hair Awang, Azimi hamzah, Rahmah Ismail, Jegak Uli, "Kemahiran Bolehkerja: Keseimbangan Antara Tuntutan Majikan dan Penguasaan Pelatih ", Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Siswazah Pengajian Pendidikan, UPM, 11 September 2004
13. Ema Syuhada binti Ismail, *Bangunnya Wanita dalam Pembangunan Ekonomi*, <http://www.e-zakat.com.my>
14. Teks Ucapan Perdana Menteri, Perhimpunan Agong UMNO 55, 23 September 2004. (sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)
15. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA), Khamis 13 September 2002, USM, Pulau Pinang